

# Perbahasan Kalam Ibādhiyah: Tinjauan Terhadap Karya-Karya Akidah Ibādhiyah Terpilih

MUSTAFA KAMAL BIN AMAT MISRA<sup>1</sup>, ABDULL RAHMAN MAHMOOD<sup>2</sup> & JAFFARY AWANG<sup>3</sup>

## ABSTRACT

Al-Ibādhiyah is a sect that contributes towards the development of kalam. Writings on Ibādhiyah by Sunni scholars normally demonstrates its relation to the Khawārij as well as labelling them as kufr as been iterated by al-Marūzi in *Taqrīb al-Tahzīb Sunnah* and Ahmad Muhammad Jali in *Dirāsah ‘An al-Firāq Fī Tārīkh al-Muslimīn*. Due to the scarce contradictions being posed by the Ibādhiyah towards the Ashā‘irah, the study by the Ashā‘irah scholars is uncommon in comparison with the studies related to the Shī‘ah. Therefore, by employing library research, this study will observe the early development on the kalam of Ibādhiyah through presenting the discussion on the original writings of the selected Ibādhiyah scholars which are regarded as the main source within the discourse of kalam in Ibādhiyah.

Keyword: Ibādhiyah Kalam Thought

## PENGENALAN

Sejarah perkembangan aliran akidah Islam memperlihatkan terbentuknya kumpulan-kumpulan seperti Khawārij, Shi‘ah, Mu‘tazilah, Hanābilah dan ‘Ashā‘irah disebabkan perselisihan konsep pemikiran dalam memahami sesuatu nas di samping mempertahankan ideologinya apabila dikritik oleh ideologi aliran lain. Kerencaman ideologi tersebut berlaku pada contoh aliran-aliran tersebut dan tidak terkecuali Khawārij. Daripada beberapa tragedi yang berlaku seperti perang Nahrawān, ia menjadi penanda aras kepada pemisahan *Ahl al-Da‘wah* atau *Ahl al-Istiqāmah* daripada gerakan *Muhakkimah al-Ulā* iaitu kumpulan awal bagi kumpulan yang digelar sebagai khawārij. Kajian ini menampilkkan menganalisis kronologi perkembangan *ahl al-Da‘wah* kepada Ibādhiyah, konsep tranformasi pemikiran kalam dengan limitasi pengkelasan kepada tiga fasa iaitu kurun pertama hingga ketiga, kurun ketiga hingga ketujuh dan kurun kelapan hingga ketiga belas.

## PERKEMBANGAN AWAL IDEOLOGI AL-IBĀDHĪYAH: ANALISIS PERANAN BEBERAPA TOKOH AL-IBĀDHĪYAH

Bermula dengan Khawārij yang awalnya adalah sebahagian pengikut dan penyokong Saidina ‘Alī RA yang tidak setuju dengan tindakan baginda RA menerima keputusan usulan (tahkim) Abū Mūsā al-Ash‘ārī untuk melucutkan jawatan khalifah kerana siri perang Siffīn yang berlarutan agak lama tanpa berkesudahan<sup>4</sup> (37/ 657M). Namun usulan tersebut tidak dapat

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

<sup>2</sup> Pensyarah (Ph.D), Pusat Kajian Akidah Dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>3</sup> Prof. Madya (Ph.D) di Pusat Kajian Akidah Dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>4</sup> Perang Siffin berlaku hampir tiga tahun iaitu dari tahun 37H hingga 39H (657M – 659M) kerana tercetus sekali sekala dengan sentiasa ada rundingan tetapi rundingan terakhir dengan usulan Abu Musa al-Asy‘ari untuk perlucutan jawatan khalifah.

diterima oleh sebahagian penyokong Baginda RA tersebut dan kemudiannya bertindak memisahkan diri dengan tidak mengikut rombongan Baginda RA sebaliknya menempati sebuah penempatan yang bernama Harūrā. Kelompok tersebut kemudiannya digelar oleh penyokong Baginda RA lainnya sebagai Khawārij yang bermaksud orang yang keluar atau memisahkan diri.<sup>5</sup> Mengikut faham Khawārij, tindakan Saidina 'Alī RA menerima usulan tersebut adalah salah dan dikategorikan sebagai dosa besar serta melayakkan Baginda dihukum bunuh sama seperti hukuman ke atas Mu'āwiyah dan 'Amrū al-'Ās kerana mengetuai kumpulan Muslim menentang Saidina 'Alī RA (Ibrahim, t.t: 190)<sup>6</sup>.

Antara individu yang tidak bersetuju dan berpihak kepada Khawārij tersebut adalah Abū Bilāl Mirdās Ibn Udayyah al-Tamīmī dan Jābir Ibn Zaid al-Azdī al-'Umānī. Sikap ketidaksetujuan Mirdās kepada Saidina Alī RA mendorong beliau sekali lagi memerangi Baginda RA pada tahun berikutnya (38H/ 658M) dengan menyertai al-Muhakkimah (Khawārij generasi pertama) dalam perang Nahrawān. Namun penyertaan Mirdās dilihat tidak sepenuh hati melihatkan ramai para sahabat dan saudara seIslam yang terkorban. Beliau berpendapat, peperangan sesama Muslim tidak diperbolehkan. Justeru beliau bersama pengikutnya mengambil keputusan untuk berundur diri dari peperangan (Iwad, 1994: 5-6).

Mirdās kemudiannya mendiami Basrah dengan menyebarkan ideologinya dan dengan tegas menafikan kesamaannya dengan Khawārij keseluruhannya. Selain itu, beliau juga menggerakkan fikrah 'tidak memerangi orang yang tidak sama ideologi' dengan mereka dan gerakan ini mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling. Hubungan gerakan Mirdās senantiasa berbaur pertentangan dengan pihak pemerintah dengan kelompok individu Khawārij yang mendapat penindasan daripada Ibn Ziyād. Namun Khawārij juga menunjukkan sikap penentangannya dengan menggerakkan serangan terhadap Ibn Ziyād di bawah kelolaan 'Abbād Ibn 'Alqamah al-Mazīnī (panglima perang). Walaupun kecundang, namun pada siri serangan berikutnya, 'Abbād berjaya dibunuh oleh gerakan Khawārij di Kufah (Ma'ruf, 1994: 128-129). Menurut Iwad (1994), tiga tahun selepas kewafatan Mirdās, pengikut-pengikutnya mula terpecah kepada Sufriah dan Ibādhīyah (Khalifat: 8-9).

Tokoh seterusnya iaitu 'Abd Allah Ibn al-Ibādh juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan seterusnya dilihat sebagai tokoh yang memimpin gerakan ini pada era pemerintahan Marwān Ibn Muhammad, Khalifah terakhir Dinasti 'Umayyah tahun 126 hijrah hingga 132 hijrah (744-750M). Beliau termasuk tabī'in yang hidup semasa hayat Mu'āwiyah dan 'Abd Allah Ibn Zubair. Hubungannya secara langsung dengan Jābir melalui proses pengajiannya dengan Jābir dan kekerapan mesyuarat dan perbincangan ilmiah. 'Iwad (1994) menyatakan penamaan Ibādhīyah adalah nisbah kepada beliau kerana beliau adalah pengasas gerakan Ibādhīyah<sup>7</sup>. ketokohan Ibn Ibādh juga boleh dilihat daripada usahanya meyakinkan khalifah 'Abd al-Mālik bin Marwān menerusi dua perutusan surat menyatakan ketidaksamaan alirannya dengan ideologi Khawārij yang ketika itu bersikap radikal terhadap pemerintah. Keterlibatan beliau dalam banyak siri dialog dan perdebatan mewakili masyarakat Ibādhīyah dengan masyarakat setempat yang non Ibādhīyah juga menjadikan masyarakat awam Ibādhīyah lebih mudah mengenal beliau sebagai tokoh dan pemimpin

---

<sup>5</sup> Terdapat juga gelaran Haruriah dikenakan sempena nama tempat yang di diami oleh kelompok tersebut.

<sup>6</sup> Kesungguhan usaha Khawarij ini terbukti apabila kumpulan ini menubuhkan kumpulan pembunuh untuk membunuh tiga individu iaitu Saidina Ali RA, Muawiyah dan Amru al-'As.

<sup>7</sup> Ahmad (1988) menyatakan Ibādhīyah mula dimasyhurkan pada abad ketiga hijrah. Namun pengithbatan nama bagi gerakan mereka sebelum itu adalah Ahl al-Istiqāmah atau Ahl al-Da'wah. Walaupun Ibadhiyah dinisbahkan kepada Ibn Ibadh, namun peletak dasar fikrah aliran ini adalah Jabir Ibn Zaid al-Azdī dan boleh dikatakan sebagai tā'sīs haqīqī. Walaubagaimanapun peranan Ibn Ibādh juga tidak kurang pentingnya iaitu sebagai tokoh yang bertanggungjawab terhadap aktiviti penyebaran gerakan dakwah Ibādhīyah hingga melampau perbatasan wilayah lain (Khalifat: 9).

gerakan Ibādhīyah (Adun Jahan, t.th). Beliau mula dilihat berperanan sebagai tokoh gerakan Ibādhīyah sekitar tahun 704 masihi.

Mudahnya, perkembangan politik dan pemikiran Ibādhīyah menunjukkan terdapat tokoh yang berperanan penting sebelum 'Abd Allah Ibn Ibādh, terdapat juga tokoh lain yang dikaitkan dengan kemunculan pemikiran Ibādhīyah seperti Abū Bilāl Mirdās Ibn 'Udayyah al-Tamīmī dan Jābir bin Zaid al-Azdī al-'Umānī. Abū Bilāl merupakan antara pemimpin Khawārij berpengaruh yang giat mempromosi ideologinya selepas pasca kekalahan dalam peperangan Nahrawān (658 hijrah) yang dilakukan secara rahsia bagi manghindari daripada dihidu pihak berkuasa Banī 'Umayyah. Walaupun beliau dilihat berpihak kepada Muhakkimah semasa peperangan Nahrawān tersebut, namun kemudiannya beralih arah kepada mengundur diri daripada Muhakkimah lantaran melihat kematian ramai saudara Muslimīn sebagai mangsa perang (Iwad, 1994: 5-6). Ini merubah prinsipnya kepada tidak memerangi pihak yang tidak sependapat dengannya kecuali pihak yang secara rasmi menyatakan pertentangan. Bahkan beliau menyatakan secara tegas perbezaannya dengan Muhakkimah dan ini menjadi dasar akidah Ibādhīyah. Jābir bin Zaid al-Azdī berasal dari Oman dilihat mempunyai kaitan dengan Ibādhīyah walaupun disangkal oleh beliau (W. Montgomery Watt, 1973: 17).

Kemunculan Ibādhīyah pada suasana politik yang menentang semua sistem yang diterapkan oleh pihak kerajaan Umayyiah. Ia dilatarbelakangi dengan perbezaan idea dari segi dasar-dasar agama dan aqidah yang dilihat menjadi dasar utama penolakannya. Dari segi sudut yang lain, fenomena ilmiah yang rencam di Basrah membantu lahir dan berkembang banyak aliran. Faktor kemunculannya yang pertama terjadi seiring dengan perkembangan dan penguasaan masyarakat terhadap ilmu pengajian syariah diikuti dengan sastera, tafsir dan fiqh. Pada era ini juga muncul mazhab yang pertama iaitu Khawārij dan kemudiannya mu'tazilah, shī'ah dan murji'ah. Kepelbagaian ini telah teradun dalam masyarakat dan budaya dan era ini menjadi suatu stesen pertemuan antara budaya daripada generasi sahabat dan tabī'īn dengan generasi selepasnya. Dari sudut geografi, aliran ini masih bertahan hingga sekarang dan telah menjadi mazhab rasmi bagi sesetengah Negara seperti Oman dan pendokong aliran ini juga tinggal dalam populasi yang kecil di beberapa Negara seperti Libya, Zazibar dan Algeria.

### **ANALISIS PERKEMBANGAN PENULISAN ILMU KALAM IBĀDHĪYAH**

Pengenalan terhadap perkembangan awal penulisan karya-karya ilmu kalam Ibādhīyah dikenalpasti seperti kitab *al-Rudūd* yang ditulis oleh 'Abd Allah bin Yazid al-Fazārī. Al-Shammahi dalam *al-Sirr* menyatakan kitab *al-Nahwarān* iaitu salah satu bab dalam karya al-Fazari yang dijadikan salah satu rujukan bagi kitab *al-Jawāhīr* oleh al-Barādī. Ia turut dinyatakan al-Nadīm dalam karya *al-Fihrisāt*. Al-Tabghurīn dalam *Usūl al-Dīn* (57) menyatakan, karya tersebut menyentuh perbahasan sekitar al-Quran, *al-'Aūn*, *al-'Ismah* yang mana kedua-duanya tercakup dalam konsep iman. Selain itu dibahas juga konsep Hujjah Allah dan merakamkan beberapa pandangan yang berbeza daripada mazhab Ibādhīyah.

Pada pertengahan abad ketiga, sumber tentang penulisan ilmu kalam Ibādhīyah tertumpu pula kepada tokoh 'Isā bin 'Alqamah al-Misrī telah mengarang kitab *Tauhīd* untuk mengkritik pemikiran al-Fazārī dengan menitikkan perbahasan-perbahasan seperti nama-nama (*asmā'*) dan sifat-sifat (*al-Sifāt*) yang bukan makhluk. Abū 'Ammar al-Kafi (1978: 189) menegaskan, Ibn Alqamah adalah tokoh kalam yang genius.

Abu al-Rabi<sup>c</sup> Sulaiman b. Yahlaf (wafat 171h/ 1078-1079M) mengambil ilmu dengan Abd Allah Muhammad b. Bakr<sup>8</sup> di Wadi Riqh dan ilmu Perundangan di Jirbah. Beliau telah mengasaskan halaqah pengajian bersama-sama dengan pelajar-pelajar yang datang dari Wadi Suf, Wadi Riqh, Warijlān, al-Ahzāb dan Qastaliah. Jasa beliau dan sahabatnya juga berperanan menyimpan dan mentashih karya-karya Abu Rabī<sup>c</sup> dengan judul karya *al-Tahaf Fī al-Usūl*.

Terdapat juga karya yang menghimpunkan tauhid dan ilmu kalam dengan merungkai perbahasan *af'āl al-Ibād* Abī Rabi<sup>c</sup> Abū al-Abbās Ahmad (wafat 504h/ 1110-1111m). Beliau adalah pengasas sekolah pengajian Abi Muhammad Abd Allah b. Mohd Bakr. Beliau menulis perbahasan mengenai *af'āl al-Ibād* pada tiga jilid. Cuperly (2003) mengatakan al-Nāmī telah membuat pentahqiqan dan ulasan pengenalan pada setiap bab ini.

Era seterusnya menunjukkan permulaan penulisan karya-karya akidah yang penting. Fenomena kerencaman penulisan tersebut mula rancak di Afrika (Ibadhiyah Maghrib) seperti Sarjana Ibādhiyah Jirbah, Warijlān dan Jabal Nafūsā. Antara karya tersebut seperti karya akidah al-Janānī.

Terdapat juga pelajar Abi Rabi<sup>c</sup> yang lain pada pertengahan kurun keenam hijrah<sup>9</sup> (12 masihi) iaitu Abū 'Amr Uthmān bin Khalīfah al-Sūfi dari Wadi Suf. Selain ketokohnya dalam menghasilkan karya yang pelbagai dalam lapangan ilmu, beliau menghasilkan karya yang berkonsepkan himpunan-himpunan soalan dengan jawapan-jawapan yang meliputi banyak cabang perbahasan antaranya sembilan item akidah Ibādhiyah. Ia telah disemak oleh al-Nāmī dan disertakan juga ulasan. (Tabaqāt, Jil. 2: 485-491). Pada kurun ini juga, dimasyhurkan dengan ketokohan Abī 'Amr 'Abd al-Kāfi al-Tanāwāti berbanding sarjana-sarjana lain. Murid kepada Abū Yahyā Zakariyā bin Abū Bakr di tempat kelahirannya iaitu Warijlah. Beliau mengarang tiga karya ilmu kalam iaitu kitab *al-Istitā'ah* (tidak dipertemukan), *Sharh al-Juhālāt* dan *al-Wajīz*. Kurun ini tertampil juga ketokohan Abu Ya'qūb Yusūf bin Ibrāhīm al-Warijlānī (wafat 570h/ 1175m), pengarang kitab *al-Dalīl Lī Ahl al-'Uqūl Lī Baghyī al-Sabīl Bī Nūr al-Dalīl Lī Tahqīq Mazhāb al-Haq Bī al-Burhān Wa al-Sidq*. Cuperly (2003: 32) menyatakan, al-Warijlani menulis karyanya tersebut untuk menjelaskan kepada hakikat Ibadhiyah sebagai salah satu kumpulan firaq Islam. Begitu juga dengan Jabal Nafūsah yang menampilkan Tabghūrīn bin 'Isā al-Malsyūtiy pengarang kitab *Usūl al-Dīn* yang kemudian pemikirannya dibawa oleh Amuhammad bin Yusuf Atfaiysh yang turut dijadikan sampel kajian oleh pengkaji dalam makalah ini.

Tokoh kalam lain dari Jabal Nafūsah ialah Sasterawan Abū Nāsir Fath bin Nūh al-Malusyāi'iy al-Nafūsī yang menulis *al-Qasīdah al-Naunīyah Fī al-Tauhīd* yang berkonsepkan jawapan bagi persoalan *Khulq al-Qur'ān*. Karya ini kemudiannya diulas oleh Abū Tāhir bin Ismā'īl al-Jītālī yang dijudulkan *Sharh al-Naunīyah*. al-Jītālī yang juga merupakan tokoh kalam Ibādhiyah kurun lapan masihi berpengaruh dengan karya lainnya seperti *Qawā'id al-Islām*

<sup>8</sup> Era 10 masihi menampilkan Abi Muhammad Abd Allah b. Mohd Bakr (wafat 440h/ 1048m) yang tidak kurang pengaruhnya. Beliau diakui sebagai pengasas gerakan ilmu di Izabah (penempatan awal masyarakat beraliran Ibadiah) di samping mujaddid dalam pengajian dan perbincangan masalah kalam (Lewicki: 29-31). Lewicki menyatakan, Abi Muhammad Abd Allah pendakwah yang paling aktif menyebarkan pemikiran Ibadhiyah di sekitar penempatannya (sebelah utara). Pengaruh beliau dibuktikan dengan banyaknya penisbahan dalam sejarah Ibadhiyah di Utara kepadanya seperti membawa perubahan pemikiran kepada Bani Muscab (penduduk Wilayah M'zab) yang pada asalnya mesra dengan pemikiran Muktazilah (Davidsky 29-31). Namun karya-karya akidahnya tidak ditemui melainkan karya-karya sirah. Pun begitu ketokohnya dalam lapangan ilmu kalam dibuktikan dengan ketokohan murid-muridnya dalam lapangan ilmu kalam.

<sup>9</sup> Selain itu, kurun ini juga menampilkan Abū Sahl Yahyā bin Ibrāhīm bin Sulaimān iaitu tokoh yang akan dikaji dalam makalah ini. Beliau yang turut menulis karya akidah dengan membawa perbincangan mengenai tauhid

yang mencorak pemikiran kalam Ibādhīyah kemudiannya yang juga dikenal dengan *Aqīdah al-Jitālī*. Menurut Cuperly (2003), kitab ini berkonsepkan pendedahan berkaitan akidah sesuai untuk memahami karya-karya akidah yang lebih kompleks seperti kitab *Aqīdah Nafūṣah, al-Janāunī* mahupun *Aqīdah 'Izābah*. Tokoh lain pada era ini ialah Abū Sakīn 'Amīr al-Shammāhī (wafat 792h/ 1389m) yang mengarang kitab *Usūl al-Diyānah*. Konsep penulisan yang ringkas namun agak terperinci serta mudah dihafal.

Kurun ke 12 hijrah pula menampilkan tokoh 'Abd al-'Azīz bin Ibrāhīm al-Thamīnī (wafat 1223h/ 1808m), pengarang kitab *Mu'ālim al-Dīn* yang kemudiannya diulas oleh Amuhammad bin Yusuf Atfaiysh juzu' awalnya, sarjana Ibādhīyah kurun ke 14 hijrah. Selain itu, Atfaiysh juga mengarang kitab *al-Zahab al-Khālis al-Munawwah Bī al-'Ilm al-Qālis, al-Hujjah Fī Bayna al-Muhijjah Fī al-Tauhīd* dan juga *Sharh Usūl al-Dīn*, ulasan kepada karya *Usūl al-Dīn* Tabghūrīn.

Selain Atfaiysh, ulama' lain yang berjasa kepada perkembangan ilmu kalam Ibādhīyah adalah Abū al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Barādīy, pengarang kitab *al-Jawhar* yang hidup sekitar 810 hijrah. Cuperly (2003: 34) menyatakan, beliau juga mengarang maqalah ringkas yang berjudul *Risālah Fī al-Haqā'iq* yang diawali dengan penjelasan tentang istilah-istilah khas Ibādhīyah.

### **ANALISIS KARYA ILMU KALAM IBĀDHĪYAH TERPILIH**

Apa yang perlu diberi perhatian adalah zaman awal perkembangannya, tidak diketahui budaya penulisan yang khusus pada era kepimpinan Imam Jābir. Ini menjadikan kerja-kerja penulisan dan pembukuan sangat sedikit serta penyebaran ilmu bergantung kepada periwayatan, penaqalan dan ahli sejarah (al-Nāmī: 41). Dalam konteks Imam Jābir, para pengkaji mengatakan konsep penulisannya berupa surat-surat dan soal jawab-soal jawab. Ini boleh dilihat daripada usaha Bulrouwah Ibrāhīm yang telah menghimpunkan pandangan-pandangan Imam Jābir dalam karyanya *Mausū'ah Athār al-Imām Jābir bin Zaid al-Fiqhīah*. Kesimpulan daripada penelitian terhadap subjek ilmu Kalam yang wujud daripada era awal pengasasannya hingga kini merungkai sebahagian permasalahan yang terhasil daripada perdebatan. Ia boleh dilihat pada karya-karya Ibādhīyah seperti *Arā' al-Ibādhīyah al-'Aqīdah* walaupun sukar untuk membataskan setiap isu yang dibincangkan oleh Abū 'Ubaidah atau Imam Jābir mahupun selainnya. Bahkan tidak terdapat juga penjelasan karya lain terhadap hal Abū 'Ubaidah dan Imam Jābir tersebut atau kemungkinan yang boleh diandaikan juga ialah pengaplikasian pandangan-pandangan umum masyarakat Islam ketika itu oleh masyarakat Ibādhīyah. Bahagian ini akan menganalisis *'Aqīdah al-Janāunī* karangan *al-Janāunī*, *Aqīdah al-'Azzāba* karangan *Abū Hafs* dan *Usūl al-Dīn* karangan Tabghūrīn

#### ***Aqīdah al-Janāunī dan 'Aqīdah Abū Hafs***

Perkembangan akidah Ibādhīyah dimulai dengan manhaj al-Janāunī yang menjadi dasar pemikiran Islam di Jabal Nafāṣah, Libya dan manhaj Abū Hafs di Mzab dan Jirbah. Bagi manhaj al-Janāunī, pemikiran tersebut dikesan dengan penemuan awal dua karyanya dengan hasyīah oleh Muhammad Abū Sittah al-Qusbīy al-Saddūiskī (wafat 1088h/ 1677m) dan diedar melalui jasa Ibrāhīm Atfaiysh (t. th) sebanyak 97 halaman). Karya keduanya berbentuk manuskrip-manuskrip dijumpai secara terpisah dan dicetak pada tahun 1325 hijrah yang mengandungi 56 halaman. Namun ia tidak dinilai sebagai kitab induk dan hanya berkonsep matan untuk mudah dihafal.

Manhaj Abū Hafs yang juga dinamakan sebagai *Muqaddimah Tauhīd, Aqīdah al-'Azzāba* atau juga *Tauhīd al-'Azzāba* (dalam Wilayah Morocco). Karya ini diedar oleh

Motilinsky dalam karyanya *Aqīdah Ibādhīyah* dalam himpunan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar Orientalis 14 di Algeria, tahun 1905 masihi.

Penulisan karya akidah Ibādhīyah tokoh ini disusun menerusi empat kurun awal. Manhaj Abū Hafs menjadi dokongan penduduk Mzāb dan Jirbah. Beliau hidup akhir kurun kelapan hijrah awal awal kurun kesembilan hijrah (kurun ke14 hingga 15 masihi).

Pada karya al-Janāunī, ia boleh difahami sebagai karya yang membahaskan perbahasan *ilāhīyyāt* secara khusus dengan sub tajuk *sifāt* Allah serta penjelasan-penjelasan untuk memahami konsep *tauhīd*, *imān wahyū*, *syirik* dan *nifāq* selain konsep *nubūwwah* yang diletakan pada sub tajuk yang keenam. Manakala pada sub tajuk yang kelapan menyentuh konsep tauhid dengan perinciannya iaitu konsep '*adl*, *wac̣d al-wac̣id* di bawah tajuk besarnya '*Āqā'id Muttafiq 'Alaihā 'Inda Ibādhīyah Wa Tukhālifuhum Fīhā al-Farq al-Ūhrā* selain bab kesepuluh yang menghimpunkan soal jawab berkaitan isu akidah.

Dalam konteks *asmā'* Allah, perbahasannya dilihat tidak begitu panjang berbanding isu akidah lain dan lebih bersifat umum seperti *Arkan al-Dīn* (rukun agama), *Majāri al-Dīn* dan *Masālik al-Dīn* yang memuatkan perbahasan mengenai fiqh seperti solat, zakat, puasa dan haji. Dalam konteks ini juga, al-Janāunī menggunakan istilah *asmā'* Allah sebagai sub topik karyanya. Dengan menampilkan perbahasan yang bersifat ringkas dan tidak rinci. Begitu juga dengan konsep *sifāt* Allah serta sifat-sifat lawannya dengan menggunakan *sighah sarafīyah* iaitu *ism al-fā'il*. Beliau menyatakan, *sifāt ma'navīyah* tidak difahami sebagai *asmā'* Allah. Manakala *sifāt ma'ānī* difahami sebagai sifat yang berperanan sebagai tambahan kepada *zāt* Allah (*za'id 'alā al-zāt*).

Namun, perbahasan berkenaan konsep *asmā'* Allah tidak berjaya ditemui dalam mana-mana perenggan manuskrip asal karya Ibn Hafs. Motilinsky (t.t: 540) dalam karyanya '*Aqīdah al-Ibādhīyah* mengandaikan kemungkinan sebelum kurun ketiga hijrah, perbahasan *sifāt* menunjukkan minat untuk dibahaskan kecuali pada era ini (al-Janāunī). Justeru konteks akidah Abū Hafs, prinsip umum dalam soal *ilāhīyyāt* adalah *laisa minnā man yaqul bi anna asmā' Allah makhluqah*.

Pengkaji melihat perbahasan dalam karya ini agak ringkas berkenaan *sifāt* yang terperinci dan berkaitan dengannya. Isu pelaku dosa besar dan *manzilah baina manzilatain* yang masing-masing dibincang di bawah sub tajuk *masā'il al-akhlaq. Aqīdah al-Janāunī* dilihat menjadi tindak balas terbaik bagi manhaj Abū Hafs sebagai benteng penolakan terhadap mazhab Najdah bin 'Amīr al-Hanafī (Laost, 39 dan 45). Al-Janāunī melihat terbuktinya kekufuran seseorang disebabkan melakukan dosa besar (*murtakab al-kabīrah*) melainkan melalui tiga keadaan iaitu *المسّر*, *المحل* dan *الراجع*. Ini kerana, penilaian Najdah terhadap konsep kufur menganggap seseorang yang berdosa jika melakukan kesalahan seperti kesalahan mencuri, zina atau minum *khamar*, namun ia tidak dikeluarkan daripada jama'ah Islam (kafir) mahupun menghukumkannya wajib ke neraka. Tetapi beliau menegaskan, dosa tanpa pelakuan kesalahan tersebut membuka ruang untuk cenderung kepada sifat musyrik dan mahupun dikeluarkan daripada jama'ah (menjadi kafir) bahkan membawa kepada hukuman neraka. Dengan contoh ini, boleh dikatakan, orang yang berdosakan diazab disebabkan dosanya tanpa kekal dalam neraka. Bahkan ia akan kekal di syurga sebagai pengakhirannya.

Menerusi pandangan al-Janāunī, beliau melihat, seseorang yang berdosa dinilai sebagai kafir mengenai perkara ini. Al-Janāunī seperti menyetujui mazhab Najdah. Namun sejauhmana kesetujuan tersebut tidak bermaksud melakukan dosa tersebut dikecualikan atau kemestian pelaku dosa besar ke neraka. Justeru dengan *المحل* ditentukan pengharaman perbuatan zina seseorang muslim dengan membawa sangkaan seseorang muslim itu pada hakikatnya adalah kafir. Ini juga menunjukkan kejahilannya terhadap al-Qur'an dan mencampurkan antara halal dan haram.

#### **1.4.2 'Aqīdah Tabghūrīn (Usul al-Din Tabghurīn)**

Beliau adalah Tabghūrīn bin Daud bin 'Isā al-Malsyūtīy, kelahiran Jabal Nafūsah dan hidup sezaman dengan Abū al-'Abbās bin Bakr, anak kepada tokoh Ibādhīyah yang masyhur dan berperanan besar dalam penyebaran pemikiran Ibādhīyah di Mizāb iaitu Abū 'Abd Allah bin Bakr al-Nafūsi (al-Shammāhī: 432)

Beliau dilihat sebagai tokoh ilmunan yang sangat berjasa kepada kelangsungan keilmuan Ibādhīyah umumnya dan pemikiran kalam khususnya dengan menyusun perbahasan ilmu dalam karyanya *Usūl al-Dīn* yang dilihat lebih sistematik berbanding tokoh-tokoh sebelumnya. Karya tersebut mengenakan dua bahagian pada bahagian *muqaddimah*nya. Bahagian pertama menampilkan sepuluh fasal dan dikhususkan setiap fasal dengan *usūl al-'asharah* (usul sepuluh). Bahagian kedua pula menampilkan perbahasan yang acapkali menjadi perdebatan tentang persoalan yang dilihat usul kepada zātNya. Ia juga berkaitan dengan *usūl al-'asharah*. Pada bahagian terakhir pula, dibincangkan sebahagian isu-isu akidah dengan tanpa perincian. Dari sudut pembahagian bab-babnya turut diperselisihkan. Cuperly mengatakan, karya ini hanya mengandungi dua bahagian sahaja dengan menggabungkan sebahagian pembahagian tersebut pada bahagian kedua. Al-Ja'birī pula mengatakan karya ini terdiri daripada dua bahagian sahaja dengan sebahagian perbahasan yang tidak rincikan. Namun Ustaz 'Amīr Wanis menyertakan catatan dan menampilkan sebahagian persoalan pada bahagian kedua.

Mustafa Wentan (1996) menyatakan, pada *muqaddimah* pertama, Tabghūrīn menjelaskan secara ringkas berkenaan tujuan penulisan karya ini oleh Tabghūrīn adalah untuk memenuhi permintaan jawapan di samping menterjemahkannya dengan mudah supaya tidak merencat motivasi pemahaman dan usaha penuntut ilmu. Kemudian dijelaskan juga fenomena yang berlaku dalam kalangan umat Islam seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'ān dan hadīs. Pada bahagian kedua pula, ditampilkan *usūl al-'asharah* iaitu asas awal dalam perbahasan *tauḥīd, al-qadr, al-'adl, al-wa'd al-wa'id, al-manzilah baina al-manzilatain, Lā al-manzilah baina al-manzilatain, al-asmā' wa al-sifāt, al-amr wa al-nahy, al-wilāyah wa al-barā'ah* dan *al-asmā' wa al-ahkām*. Pada bahagian ketiga, dinyatakan lima persoalan ilmu kalam dan kaitannya dengan perbahasan sebelumnya iaitu persoalan *al-hujjah, al-istitā'ah, al-'Aun wa al-'Ismah, al-Qur'ān wa kalām Allah* dan *al-rū'yah*. Pada bahagian keempat, dibincangkan isu-isu seperti persoalan *al-istiwā', al-sirāt, al-shafā'ah, al-mizān, dughtah al-qubr wa 'azābih, ikhtilāf al-nās fī man akala al-harām hal akala rizqihī, hukm man atā ma'siyah lā yumkinuhu al-khurūj minhā illā bi ifsād wa hukm mā yatawallad min fi'l ma'siyah* dan *Ajal al-maqtul al-zulman*.

Manhaj Tabghūrīn boleh dilihat pada hampir keseluruhan karyanya yang bersifat mengutamakan isu-isu atau konsep bahas yang dipersetujui oleh muslimin dan diikuti dengan perbahasan-perbahasan isu-isu *khilafiyah*. Contohnya, beliau memulakan perbahasan setiap bahagian (fasal) dengan penegasan kesatuan umat Islam dalam perkara-perkara yang baik (al-sawwāb) seperti diawali penggunaan kalimah *qad ijta'ma'at al-Ummah..., qad ajma'a al-Nās 'alā an..., allazīna ijta'ma'at al-Ummah 'alaih....* Kemudian disusuli dengan pebahasan-perbahasan perkara-perkara yang diperselisihkan tersebut dan dianalisis dengan kritikan. Ia meliputi semua manhaj pemikiran sama ada sesama Islam, antara bukan Islam, selain manhaj Ibādhī malahan sesama Ibādhī juga.

Corak pemikiran Tabghūrīn dilihat mewarisi corak pemikiran tokoh sebelumnya khususnya al-Janāunī. Ini boleh dilihat daripada perbahasan isu-isu ilmu kalam (tauḥīd dan tanzīh Allah) pada hampir keseluruhan karya-karyanya yang mirip dengan corak fikir al-Janāunī. Bermula dengan hujah *laisa ka mithlihi syai'*, ia menjadi asas utama dalam berhadapan ideologi lawannya di samping mengaplikasi *ijmā'* ulama' salaf Ibādhīyah. Dalam

konteks isu *ilāhiyyāt*, lebih-lebih lagi dalam perbincangan perbuatan Allah yang *duality* (thanāwiyyah) seperti Allah mencipta sesuatu yang baik (al-khair) dan buruk (al-Syarr), Tabghūrīn menolak segala bentuk *tasybih* dan *tajsīm*. Penafian-Nya terhadap konsep penjisiman Allah meliputi konsep jauhar atau pembatasan-Nya pada satu-satu tempat. Ini boleh dilihat seperti penjisiman sesetengah ideologi terhadap Allah pada isu *istiwā'*. Namun kefahaman yang *sahih* menurutnya perlu dibina atas metode takwil.

Dalam konteks *ru'yah* Allah, Tabghūrīn dilihat sejajar dengan jumhur pandangan Muṭazilah serta titipan pendalilan yang terperinci dalam karya huraian karya-karyanya. Selain itu, metodologi penyusunan perbincangan hukum juga diadaptasi daripada metodologi penyusunan perbincangan hukum *tabāqāt al-khamsah* Muṭazilah. Demikian juga dengan konteks perbincangan kemakhluqan al-Qur'an.

Umumnya, pemikiran Tabghūrīn meniti perbezaan dengan pemikiran sarjana Ibādhīyah yang lain dengan tidak mengaplikasi tradisi ideologi Ibādhīyah dalam konteks perbincangan *istitā'ah* kecuali minoriti sarjana sahaja.

Muṭazilah melihat konsep *istitā'ah* sebagai *qudrah* (kemampuan manusia) yang mengiringi perbuatan dan Allah memperbaharukan *qudrah* manusia tersebut untuk setiap kali satu-satu perbuatan dilakukan. Namun, realiti dalam kalangan sarjana Ibādhīyah berbeza dengan Muṭazilah. Ini kerana disiplin ilmu Ibādhīyah dalam konteks pembaharuan perbuatan ini boleh diatasi seperti dengan teori perbincangan iman dan kufur dalam satu sudut. Manakala sudut yang lain pula, adalah mustahil sesuatu perbuatan tersebut berlaku hanya daripada usaha pelakunya (manusia) sahaja.

Dalam konteks *sifāt* Allah pula, Tabghūrīn lebih memilih ideologi Muṭazilah. Begitu juga dengan *asmā'* Allah yang menyakan ia adalah '*ain zāt*. Namun, Cuperly (80) menyatakan, Tabghūrīn senada dengan pemikiran Imam al-Ash'ārī dalam isu *asmā'* dalam konteks keazalianNya berbanding *sifāt* Allah seperti ulasannya dalam karya *al-Ibānah*.

Perbincangan *sifāt* Allah sedia menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana Ibādhīyah Jabal Nafūṣah, Libya. Bahkan kefaqihan sarjana dan keberhasilan fatwa-fatwanya menjadi pegangan dan rujukan masyarakat Ibādhīyah hampir keseluruhannya.

Umumnya, karya ini dimulakan dengan pengenalan berkenaan *usūl al-dīn* yang menyaksikan perpecahan umat. Ia disusun pula berdasarkan tema-tema utama ilmu kalam seperti sepuluh tema pertamanya yang melazimi susunan manhaj Muṭazilah iaitu *usūl al-khamsah* yang diawali dengan konsep *tauḥīd*, *al-'adl*, *waḍ al-wa'īd*, *manzilah baina manzilatain* dan *amar ma'rūf*. Justeru Tabghūrīn menyusun tema karya ini dengan konsep *tauḥīd*, *al-qadr*, *al-'adl*, *al-waḍ al-wa'īd*, *al-manzilah baina manzilatain*, *Lā manzilah baina manzilatain*, *asmā' wa al-sifāt*, *Amr wa nahy*, *al-wilāyah wa al-barā'ah*, *asmā' wa ahkām*.

Sub tajuk *baḥth al-masā'il* ditampilkkan perbincangan mengenai *hujjah Allah*, *istitā'ah*, '*Aun wa al-'Ismah*, *Khulq al-Qur'an*, *rū'yah Allah*, *Syafā'ah*, *al-mīzān* dan *dugḥḥah al-qubr wa azābih*. Ini menunjukkan peletakan tema pada sub tajuk oleh Tabghūrīn berdasarkan tema penting ilmu kalam Islam. Pun begitu, konsep penyusunan karya ini menjurus kepada dua aspek utama iaitu *usūl al-dīn* dan ilmu kalam. Perbincangan kalam oleh Tabghūrīn pula menampilkan tema-tema perbincangan utamanya iaitu *Tauḥīd*, *sifāt Allah*, *iktisāb*, *istitā'ah*, *khulq al-Qur'ān*, *waḍ al-wa'īd*, *imamāh*, *ahkām al-milal* dan *rū'yah Allah*. Umumnya perbincangan kalam dengan dasar asasnya fokus kepada pengesahan dan pentanzīhan Allah daripada segala pentasybihanNya dengan makhluk. Bahkan ini menjadi fokus hampir semua kumpulan ilmu kalam kerana ia adalah fitrah yang asal dalam agama. Tabghūrīn menjadikan pemikiran *mujassimah* iaitu Allah berjirim, berbilang dan berbentuk sebagai sampel pertama dalam perbincangan pada bahagian ini di samping mengaplikasi metode pendalilan ilmu kalam.



Dalam sub tajuk *tauhid* pula, beliau mengambil pemikiran *al-Dahrīyah* sebagai sampel kedua untuk menyingkap kesilapan pemikiran ketuhanan falsafah. Pemikiran tersebut berpendirian *jauhar* dan *'aradh* adalah *qadīm* (azali).

### **1.5 KESIMPULAN**

Perkembangan pemikiran kalam Ibādhīyah boleh dikesan melalui kerancakan penulisan karya-karya asalnya yang menjadi asas pembentukan pemikiran sesebuah masyarakat. Namun, ketamadunan penulisan kalam Ibādhīyah tersebut masih banyak berbentuk manuskrip dan belum diterjemah kepada versi yang lebih moden dan mudah difahami. Namun kajian ini sekadar mengkaji dua karya yang dilihat menjadi asas awal pembentukan manahaj akidah dan kalam Ibādhīyah iaitu pemikiran al-Janāunī, Abu Hafs dan Tabghūrīn. Pengkaji dapati, penulisan perbahasan kalam oleh al-Tabghūrīn semakin tersusun berbanding tokoh sebelumnya al-Janāunī dan Abu Hafs. Karya *Usūl al-Dīn* Tabghūrīn ini ditahqiq oleh Amuhammad bin Yūsuf Atfaiysh, tokoh Ibādhīyah kurun keempat belas dengan judul *Sharh Usūl al-Dīn* yang turut berperanan dalam pengajian kalam Ibādhīyah dewasa ini.

### **RUJUKAN**

- 'Alī Yahyā Mu'ammār. 1986. *Al-Ibādhīyah Fī Maukib al-Tarīkh*. Juz 2. Sahahahu Ahmad 'Āmir Ubakah. Aljaza'ir: Al-Matba'ah al-'Arābīyah
- 'Iwad Muhammad Khālifāt. 1994. *Al-Usūl al-Tāarikhīyah Lī al-Firqah al-Ibādhīyah*. Oman: Wizārah al-Turāth al-Qaumī wa al-Thaqāfah.
- Abū 'Ammār al-Kāfī. 1978. *Al-Maujiz Fī Tahsīl al-Su'āl, wa Talkhīs al-Maqāl FI al-Radd 'Alā Ahl al-Khilāf*. Tahqīq 'Ammār al-Tālibī. Al-Jazā'ir: Al-Syarikah al- Wataniyah li Naysr wa al-Tauzī'.
- Al-Nāmī, 'Amru al-Khālifāt. 2001. *Al-Dirāsāt 'An al-Ibādhīyah*. Tarjamah Makha'il Khoiurī. Cet 1. Beirut: Dar al-Maghrib al-Islāmī
- Al-Shammākhī, 'Āmir bin 'Ālī. T.t *Matn al-Dīyānāt*. Al-Qaherah: Tabā'ah al-Fujālah al- Jadīdah.
- Atfaisyh, Ibrahim. T.t. *Al-Farq Baina al-Ibādhīyah wa al-Khawārij*. Al-Jazā'ir
- Calassanti Motylinsky A (de). 1985. Bibliographie du Mzab. Les Livres De La Secte Abadhite. Terj. *Jard Kitābāt al-Mizāb*. Jil 3. In. Bulletin De Correspondance Africaine (A) 15-72.
- Cuperly, Pierre. 1984. Introduction a l'etude de l'Ibadhisme et de sa Theologie. Terj. *Al-Ibādhīyah wa 'Aqīdatuha, Dirasah al-Naqdiyah* (2003). Alger: Muassasah Tawalt al-Thaqāfa.
- Lewicki, Tadeusz. 1988. Makalah al-Ibādhīyah Fī Bilād al-'Arab wa Ifriqiya dalam Majālah Tarīkh al-'Ālam. Terj. *Les Sources Ibādites de l'histoire Medievale de l'Afrique du Nord*. *Africana Bulletin (warsaw)* 31-45.
- Mustafa Wentan. 2006. *Kitāb Sharh Usūl al-Dīn Li Syeikh Amuhammad bin Yūsuf Atfaiysh: Dirāsah wa Tahqīq al-Qism al-Awwal*. Doctorate Disertation. Qanstantinople: Jāmi'ah al-Amīr 'Abd al-Qādir.
- W.Montgomery Watt. 1973. *The Formative Period of Islamic Thought*. Edinburg: Edinburg University Press